

SULIT
1249/3
SEJARAH
Kertas 3
Ogos
2017
3 jam

PENILAIAN PERCUBAAN SPM NEGERI PAHANG 2017

SEJARAH 1249

KERTAS 3

TEMA UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi satu **Tema Umum**.
2. Calon dikehendaki membaca dan meneliti **Tema Umum** tersebut dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.
3. Kertas soalan ini mestilah diberikan kepada calon **enam minggu** sebelum tarikh peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 2 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

ARAHAN KEPADA GURU

1. Guru hendaklah memastikan **Tema umum** diberikan kepada calon **enam minggu** sebelum tarikh peperiksaan.
2. Guru hendaklah menerangkan kepada calon tentang **Tema Umum** supaya calon membuat persediaan untuk menjawab soalan bagi **Tugasan Spesifik** dalam Sejarah 1249/3 yang akan diberikan pada hari peperiksaan.
3. Guru dibenarkan untuk membimbing calon dalam penyediaan dan pemilihan bahan rujukan sebelum hari peperiksaan.
4. Guru hendaklah menasihati calon memilih bahan rujukan yang sesuai, mengenal pasti kedudukan setiap maklumat di dalam sumber supaya tidak membuang masa untuk mencari maklumat pada hari peperiksaan.
5. **Guru dilarang sama sekali menyediakan jawapan kepada calon dalam apa-apa bentuk sekali pun.**
6. Guru hendaklah menasihati calon agar membuat salinan sumber maklumat berkaitan yang diperolehi daripada buku ilmiah, majalah dan surat khabar untuk menjimatkan ruang di atas meja pada hari peperiksaan.

ARAHAN KEPADA CALON

1. Calon dikehendaki membaca dan meneliti **Tema Umum** dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.
2. Calon boleh berbincang dengan guru dan rakan-rakan untuk mendapat dan mengumpulkan maklumat berkaitan.
3. Calon boleh membuat rujukan daripada sumber yang berkaitan dengan tema umum yang diberi sebagai persediaan menjawab soalan bagi **Tugasan Spesifik** dalam Sejarah 1249/3.
4. Calon boleh mendapatkan sumber maklumat daripada buku teks, bahan bacaan ilmiah, akhbar, internet dan bahan-bahan yang berkaitan.
5. Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
6. Calon **tidak dibenarkan sama sekali** membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
7. Calon dinasihatkan supaya penggunaan bahan rujukan semasa peperiksaan hendaklah tidak mengganggu calon lain.

Tema Umum : Pembinaan Negara dan Bangsa ke Arah Kemunculan Negara Malaysia yang Berdaulat
Konsep negara dan bangsa yang diasaskan oleh Kesultanan Melayu Melaka merupakan warisan sosiopolitik dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara pada masa kini.

Sumber : Buku Teks Tingkatan 5

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT